



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/3/4 Jld. 5 (25)
Tarikh : 5 Julai 2021

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 12 /2021:
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU
HAMIL**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan arahan dan kaedah pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

2. LATAR BELAKANG

PICK telah dimulakan pada 24 Februari 2021 dengan sasaran untuk memvaksinasi kesemua warganegara dan bukan warganegara yang layak. Ibu hamil turut diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19 memandangkan mereka termasuk dalam golongan berisiko tinggi.

3. PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL

- 3.1. Ibu hamil diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19 kerana kajian telah menunjukkan ibu hamil mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk sehingga memerlukan kemasukan ke ICU dan bantuan pernafasan.
- 3.2. Bagi meningkatkan kadar penerimaan vaksin COVID-19 dalam kalangan ibu hamil, pengenalpastian ibu hamil perlu dilakukan semasa lawatan rutin antenatal. Ibu mesti diberi penerangan dan ditawarkan vaksin COVID-19 seawal kehamilan. Janji temu akan diberi melalui aplikasi MySejahtera.
- 3.3. Penerangan berkenaan maklumat terkini berkaitan kelebihan dan kesari vaksin kepada ibu dan janin perlu diberikan kepada ibu sebelum ibu menandatangani Borang Persetujuan Suntikan Vaksin COVID-19.

- 3.4. Suntikan Vaksin Pfizer masih menjadi keutamaan untuk diberikan kepada ibu hamil. Pemberian vaksin jenis lain dibuat hanya jika wujud masalah logistik dan pelaksanaan.
- 3.5. Dos 1 vaksin COVID-19 boleh diberikan seawal 14 minggu dan diikuti Dos 2 mengikut jangkamasa yang ditetapkan. Kedua-dua dos sebaik-baiknya dilengkapkan sebelum ibu memasuki trimester ketiga.
- 3.6. **Garis Panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin COVID-19 kepada Ibu Hamil (seperti yang dilampirkan)** boleh dijadikan panduan dan rujukan anggota kesihatan di lapangan bagi melancarkan pelaksanaan pengenalpastian ibu dan pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil.

4. TARIKH KUATKUASA PELAKSANAAN

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh surat ini dikeluarkan.

5. TANGGUNGJAWAB

Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab dalam memastikan usaha untuk meningkatkan liputan penerimaan vaksin COVID-19 dalam kalangan ibu hamil dijalankan.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

- Bilik Gerakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Beroperasi Isnin-Jumaat (9.00pagi – 5.00 petang)
Telefon: 03-88833951
- Pertanyaan berkaitan garis panduan : Sektor Kesihatan Ibu Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM
Telefon: 03-88834046/03-88834290/03-88834040
- Pertanyaan berkaitan AEFI Waksin COVID-19
Telefon: 03-78835400 ext 5447, 5447,5445
Emel : mycovidaefi@npra.gov.my

7. PENUTUP

Sehubungan itu YBhg. Datuk/Dato'/Dato' Indera/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Kerjasama dan komitmen daripada semua pihak adalah diperlukan bagi menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan:

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KKM

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), KKM

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), KKM

Pengarah Kanan

Program Kesihatan Pergigian, KKM

Pengarah Kanan

Program Kesihatan Farmasi, KKM

Pengarah

Bahagian Amalan Perubatan, KKM

Ketua Perkhidmatan O&G Kebangsaan

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
15. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL

**Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Jun 2021

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
1. PENGENALAN	4
1.1. COVID-19 dan Kehamilan	
1.2. Prinsip Pemberian Vaksin COVID-19 kepada Ibu Hamil	
1.3. Matlamat Pemberian Vaksin COVID-19 kepada Ibu Hamil	
2. PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL	5 - 12
2.1. Kriteria Ibu hamil untuk diberi vaksin	
2.2. Jenis vaksin untuk ibu hamil	
2.3. Jangkamasa kandungan untuk diberi vaksin	
2.4. Tempat pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil	
2.5. Pengendalian Pemberian Vaksin Covid-19 bagi Ibu Hamil	
– Carta Alir Pengenalpastian dan Pemberian Vaksin Covid-19 Bagi Ibu Hamil	
– Proses Kerja Pengenalpastian dan Pemberian Vaksin Covid-19 Bagi Ibu Hamil	
3. SENARAI LAMPIRAN	13 - 15
3.1. Lampiran 1 : Format <i>line-listing</i> Pemberian Vaksin COVID-19 Kepada Ibu Hamil	
3.2. Lampiran 2 : Soalan Lazim berkaitan vaksin COVID-19 dan kehamilan	

SENARAI PENYUMBANG

Penasihat

Dr Rokiah bt Mohd

Timbalan Pengarah (Kesihatan Keluarga)
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Saidatul Norbaya binti Buang

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli

Dr Majdah bt Mohamed

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Ketua Sektor Kesihatan Ibu
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Tuty Aridzan Irdawati bt Mohsinon

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Kesihatan Ibu
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Sarah bt Awang Dahlan

Ketua Penolong Pengarah
Sektor Kesihatan Ibu
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Matron Aleijjah bt Ali

Ketua Penyelia Jururawat Kanan
Sektor Kesihatan Ibu
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

1. PENGENALAN

1.1 COVID-19 DAN KEHAMILAN

Ibu hamil lebih berisiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk dan memerlukan kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) serta bantuan pernafasan (*invasive ventilation*) berbanding wanita yang tidak hamil, terutamanya bagi ibu yang berisiko tinggi. Jangkitan COVID-19 tahap yang lebih teruk kerap berlaku pada trimester kedua dan ketiga.

Ibu hamil yang dijangkiti COVID-19 juga lebih berisiko untuk melahirkan bayi pada usia pramatang. Kebanyakan kelahiran pramatang ini adalah *iatrogenik* bagi membantu pemberian rawatan dan bantuan pernafasan ibu. Dianggarkan 6% kelahiran pramatang adalah secara spontan dalam kalangan ibu yang dijangkiti COVID-19.

1.2 PRINSIP PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL

Secara umumnya, pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil adalah berdasarkan Garis panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin COVID-19 Kebangsaan.

Ibu hamil tergolong dalam kumpulan ‘vulnerable group’ memandangkan risiko morbiditi dan mortaliti kepada ibu dan bayi seperti yang diterangkan di atas. Oleh itu, ibu hamil perlu diberi keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19.

Prinsip utama vaksin COVID-19 diberikan kepada ibu hamil termasuklah :

- i. Ibu bersetuju untuk divaksin
- ii. Ibu tidak mempunyai kontraindikasi untuk menerima vaksin
- iii. Dos 1 vaksin diberikan seawal 14 minggu dan diikuti dos kedua mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
- iv. 2 dos sebaik-baiknya dilengkapkan sebelum ibu memasuki trimester ke 3
- v. Suntikan Vaksin Pfizer masih menjadi keutamaan untuk diberikan kepada ibu hamil. Pemberian vaksin jenis lain dibuat hanya jika wujud masalah logistik dan pelaksanaan.

1.3 MATLAMAT PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL

Vaksin COVID-19 diberikan kepada ibu hamil untuk mencapai matlamat seperti di bawah:

- i. Mengurangkan kematian dan morbiditi teruk akibat jangkitan COVID-19 dalam kalangan ibu hamil
- ii. Membentuk perlindungan kelompok penduduk Malaysia bagi pemulihan ekonomi
- iii. Kawalan wabak

2. PELAKSANAAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL

2.1 KRITERIA IBU HAMIL UNTUK DIBERI VAKSIN

Semua ibu hamil yang memberi keizinan untuk disuntik vaksin. Ibu mesti diberi penerangan dan ditawarkan vaksin COVID-19 seawal kehamilan.

2.2 JENIS VAKSIN UNTUK IBU HAMIL

Sehingga kini, vaksin Pfizer yang diberi keutamaan untuk diguna untuk ibu hamil di Malaysia.

2.3 JANGKAMASA KANDUNGAN UNTUK DIBERI VAKSIN

Suntikan dos 1 vaksin COVID-19 diberi semasa kandungan berusia antara 14 hingga 33 minggu, dan diikuti dengan dos 2 pada jarak masa yang ditetapkan selepas dos 1.

2 dos sebaik-baiknya dilengkapkan sebelum ibu memasuki trimester ke 3.

Di dalam situasi di mana ibu masih belum menerima vaksin selepas 33 minggu kehamilan, ibu masih boleh ditawarkan untuk menerima vaksin COVID-19 dengan *case-to-case basis*, berdasarkan penilaian klinikal oleh doktor. Ia bergantung kepada penilaian kelebihan(*benefit assessment*), risiko individu serta jarak masa sebelum bersalin.

Jika ibu bersalin sebelum menerima dos 2, ia boleh dilengkapkan semasa postnatal.

2.4 TEMPAT PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA IBU HAMIL


Pemberian vaksin COVID-19 kepada ibu hamil boleh diberi di fasiliti berikut (berdasarkan jenis vaksin *Pfizer* yang tersedia):


- i. PPV Klinik Kesihatan (PPVKK)
- ii. PPV Hospital (SPPV)
- iii. PPV Awam
- iv. PPV Mega

Bagi ibu hamil yang mempunyai komorbid, vaksin COVID-19 perlu diberi di PPVKK atau SPPV.

2.5 PENGENDALIAN PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 BAGI IBU HAMIL

2.5.1 Carta Alir Pengenalpastian dan Pemberian Vaksin Covid-19 Bagi Ibu Hamil





2.5.2 Proses Kerja Pengenalpastian dan Pemberian Vaksin Covid-19 Bagi Ibu Hamil

BIL.	PROSES KERJA	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	PERALATAN
1	Ibu hadir lawatan rutin antenatal dan belum terima vaksin	<ul style="list-style-type: none"> • Tanya ibu adakah setuju untuk menerima vaksin COVID-19 <ul style="list-style-type: none"> ○ Jika setuju, nasihat ibu untuk mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera (jika belum mendaftar). ○ Jika tidak setuju, beri khidmat nasihat kepada ibu tentang vaksin COVID-19 dan vaksinasi tidak diberi 	Jururawat / Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan Keluarga	1. Buku Rekod Kesihatan Ibu
2	Nasihat ibu untuk mendaftar sebagai penerima vaksin COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> • Jika ibu belum mendaftar sebagai penerima vaksin dalam aplikasi MySejahtera, nasihat ibu untuk mendaftar. 	Jururawat / Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan Keluarga	-
3	Buat penilaian keperluan untuk menjalani Pre-vaccination Assessment (Pre-vac)	<ul style="list-style-type: none"> • Tanya ibu adakah mempunyai sejarah <i>bleeding tendencies</i>, <i>immunocompromised</i> dan anafilaksis. <ul style="list-style-type: none"> ○ Jika ada, rujuk untuk <i>Prevaccination Assessment</i> di hospital ○ Jika tiada ketiga-tiga masalah, kumpul maklumat ibu yang layak menerima vaksin COVID-19 	Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan Keluarga	1. Clinical Guidelines on COVID-19 vaccination in Malaysia
4	Kumpul maklumat ibu yang layak menerima vaksin COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> • Jika ibu setuju, maklumat ibu dikumpul mengikut format di Lampiran 1. • Kemukakan maklumat lengkap kepada PKD/JKN untuk proses janji temu. • Ingatkan ibu untuk membawa Buku Rekod 	Jururawat	1. Format <i>line-listing</i>

Garis panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Ibu Hamil –Edisi 1 - Jun 2021

BIL.	PROSES KERJA	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	PERALATAN
		Kesihatan Ibu semasa janji temu vaksinasi.		
5	Janji temu diberi melalui MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> Ibu mendapat janji temu melalui aplikasi MySejahtera 	Pasukan MySejahtera	-
6	Ibu hadir ikut janji temu	<ul style="list-style-type: none"> Ibu pameran janji temu melalui aplikasi MySejahtera kepada petugas kesihatan yang menjaga pendaftaran 	PT/NGO, sukarelawan/pelatih jururawat / PPP/ PPKP/	<ol style="list-style-type: none"> Line listing Portal MySejahtera di desktop/laptop
7	Saringan Gejala	<ul style="list-style-type: none"> Periksa suhu dan soal selidik gejala: <ul style="list-style-type: none"> Jika ada gejala – Arahkan ibu ke tempat pengasingan bagi tujuan saringan lanjut COVID-19 seperti dalam protokol/ Garis panduan pengendalian COVID-19. <ul style="list-style-type: none"> Jika saringan ujian COVID-19 negatif, berikan janji temu baru Jika ujian COVID-19 positif, teruskan pengurusan bagi pesakit COVID-19. Beri janji temu baru kepada ibu selepas tamat rawatan COVID-19 Jika tiada gejala, imbas QR kod bagi mengesahkan kehadiran dan pendaftaran 	PT/NGO, sukarelawan/pelatih jururawat / PPP/ PPKP/	<ol style="list-style-type: none"> Thermometer Borang Saringan Gejala (Rujuk Lampiran) MySejahtera PC / Laptop PPE dicadang: <ul style="list-style-type: none"> Surgical mask Hand sanitiser Eye protection (face shield/ eye goggle)
8	Beri penerangan/ konsultasi tentang vaksin	<ul style="list-style-type: none"> Arahkan ibu duduk di tempat yang disediakan Edarkan maklumat berkenaan vaksin kepada klien Bersedia menjawab sebarang pertanyaan ibu 	Jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan / Pegawai Pergiian	<ol style="list-style-type: none"> Risalah berkenaan vaksin PPEdicadang: <ul style="list-style-type: none"> Surgical mask Hand sanitizer

Garis panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Ibu Hamil –Edisi 1 - Jun 2021

BIL.	PROSES KERJA	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	PERALATAN
				<ul style="list-style-type: none"> • <i>Eye protection (face shield/ eye goggle)</i>
9	Edar dan semak kebenaran bertulis menerima suntikan	<ul style="list-style-type: none"> • Edarkan Borang Kebenaran Bertulis kepada ibu. • Terangkan kepada ibu berkenaan kesan vaksin kepada ibu dan janin <ul style="list-style-type: none"> ○ Jika ibu bersetuju – semak dan sahkan identiti dan kelayakan untuk menerima suntikan ○ Jika ibu tidak bersetuju, ibu tidak layak menerima vaksin dan ibu dibenarkan pulang 	Jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang Kebenaran menerima vaksin 2. PPEdicadang: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Surgical mask</i> • <i>Hand sanitizer</i> • <i>Eye protection (face shield/ eye goggle)</i>
10	Beri suntikan vaksin	<ul style="list-style-type: none"> • Arahkan ibu ke tempat suntikan • Petugas perlu memakai PPE <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Hand sanitizer</i> ○ <i>Face mask</i> ○ <i>Plastic apron (optional)</i> *sarung tangan (glove) dan faceshield tidak perlu digunakan untuk sesi suntikan vaksin • Keluarkan kuantiti vaksin yang mencukupi ke dalam kotak sejuk untuk kegunaan semasa dari kotak sejuk penyimpanan stok vaksin • Beri vaksin mengikut tatacara pemberian vaksin yang berkenaan (Rujuk Panduan Latihan Pemberian Vaksin COVID-19) • Pastikan suntikan diberi mengikut teknik <i>aseptic</i> sepertimana yang terkandung di dalam Garis Panduan Imunisasi Kanak-kanak 	Jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panduan Latihan Pemberian Vaksin COVID-19 2. Vaksin COVID-19 3. Set suntikan 4. PPEdicadang: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Surgical mask</i> • <i>Hand sanitizer</i> • Apron plastik

Garis panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Ibu Hamil –Edisi 1 - Jun 2021

BIL.	PROSES KERJA	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	PERALATAN
		<ul style="list-style-type: none"> Lakukan suntikan dengan teknik suntikan yang betul untuk setiap vaksin yang diberi Pastikan prosedur di dalam <i>standard precaution</i> dipatuhi semasa prosedur imunisasi dijalankan (rujuk <i>Buku Standard Precaution</i>) Pembaziran vaksin sepatutnya adalah 0. 		
11	Imbas QR kod	<ul style="list-style-type: none"> Arahkan ibu untuk imbas QR kod yang disediakan selepas menerima suntikan 	Penyelia jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan	1. QR kod
11	Pemerhatian	<ul style="list-style-type: none"> Arahkan ibu menunggu selama 15 minit di ruangan yang disediakan untuk memantau kesan sampingan selepas penerimaan vaksin COVID-19 (AEFI) Jika ibu pernah mengalami kejadian reaksi selepas pemberian mana-mana vaksin, pemerhatian perlu dilakukan selama 30 minit 	Penyelia jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan	<ol style="list-style-type: none"> Ruang menunggu Peralatan kecemasan Borang Pelaporan AEFI PPE dicadang: <ul style="list-style-type: none"> Surgical mask Hand sanitiser Apron plastik *Eye protection (face shield/ eye goggle - optional) *Gloves (optional) <p>*penggunaan tertakluk kepada penilaian risiko jangkitan COVID-19 setempat</p>
12	Serah Kad imunisasi dan maklumkan tentang Borang Pelaporan AEFI	<ul style="list-style-type: none"> Serah Kad Imunisasi kepada ibu Maklumkan kepada ibu tentang Borang Pelaporan AEFI boleh didapati dalam aplikasi MySejahtera 	Jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan	<ol style="list-style-type: none"> Borang Pelaporan AEFI MySejahtera Kad imunisasi Buku Rekod Kesihatan Ibu

Garis panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin Covid-19 kepada Ibu Hamil –Edisi 1 - Jun 2021

BIL.	PROSES KERJA	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB	PERALATAN
		<ul style="list-style-type: none"> Catat maklumat imunisasi dalam Buku Rekod Kesihatan Ibu 		
13	Ingatkan klien untuk terima dos 2 dan catat tarikh daam Kad Imunisasi	<ul style="list-style-type: none"> Maklumkan kepada ibu “peringatan dos ke 2” melalui Pesanan Ringkas (SMS) atau aplikasi MySejahtera Catatkan tarikh janji temu untuk dos 2 pada kad imunisasi sebelum diserahkan kepada ibu 	Jururawat/ PPP/ Pegawai Perubatan	<ol style="list-style-type: none"> MySejahtera Kad imunisasi

Bahan Rujukan:

- Garis Panduan Pelaksanaan Pemberian Vaksin COVID-19 untuk Anggota Kesihatan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM, Edisi 1 Februari 2021, bagi:
 - Panduan Soalan Saringan Gejala COVID-19
 - Kad Imunisasi
 - Borang Persetujuan Suntikan Vaksin COVID-19
 - Borang Pemantauan Kesan Advers Ringan Susulan Imunisasi (Pindaan 5)
 - Report on Suspected Adverse Drug Reactions
 - Panduan Mengisi Borang Report on Suspected Adverse Drug Reactions
 - Panduan Pengendalian Kesan Sampingan Selepas Imunisasi
 - Borang Rekod Vaksin COVID-19
 - Pemerhatian Selepas Vaksinasi COVID-19
- Guidelines on Covid-19 Vaccination in Pregnancy and Breastfeeding, MOH Version 2

SOALAN LAZIM BERKAITAN VAKSIN COVID-19 DAN KEHAMILAN

- 1. Jika merancang untuk hamil, adakah perlu menangguh kehamilan sehingga lengkap vaksinasi dulu?**
Ya, dinasihatkan untuk menangguh kehamilan sehingga lengkap vaksinasi.
- 2. Berapa jarak masa untuk hamil selepas lengkap vaksinasi?**
Wanita boleh merancang untuk hamil seurus selepas lengkap vaksinasi. Tidak perlu jarak masa selepas lengkap vaksinasi untuk hamil.
- 3. Adakah saya perlu mengesahkan tidak hamil sebelum ambil vaksin?**
Tidak. Ujian pengesahan kehamilan tidak perlu dilakukan secara rutin sebelum vaksinasi.
- 4. Jika sudah ambil vaksin dos 1, baru tahu hamil, apa perlu dibuat?**
Dos kedua boleh ditangguhkan sehingga kehamilan mencapai 14 minggu.
- 5. Jika dos pertama menerima vaksin selain COMIRNATY, kemudian didapati hamil, bagaimanakah dengan pemberian dos kedua?**
Ibu boleh diberi vaksin yang sama seperti dos pertama, namun disarankan diberi selepas 14 minggu kehamilan kerana vaksin Astrazeneca dan Sinovac juga boleh diberikan kepada ibu hamil.
- 6. Apakah kelebihan jika saya mengambil vaksin semasa hamil?**
Vaksin COVID-19 memberi perlindungan daripada jangkitan COVID-19 kepada ibu hamil. Ini kerana ibu hamil yang dijangkiti COVID-19 mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat komplikasi berbanding wanita yang tidak hamil.
- 7. Siapakah golongan ibu hamil yang disarankan mengambil vaksin?**
Semua ibu disarankan untuk mengambil vaksin COVID-19, terutamanya yang berisiko tinggi.
- 8. Jika saya bersetuju untuk suntikan vaksin semasa hamil, bilakah usia kandungan yang sesuai untuk suntikan tersebut?**
Ibu hamil boleh mengambil suntikan dos pertama vaksin COVID-19 semasa kandungan berusia antara 14 hingga 33 minggu, dan diikuti dengan dos kedua pada jarak masa yang

ditetapkan selepas dos 1. Sebaik-baiknya 2 dos lengkap diterima sebelum ibu memasuki trimester ke 3.

9. Adakah bayi dalam kandungan berisiko dijangkiti COVID-19 selepas ibu mendapat suntikan vaksin?

Vaksin yang digunakan adalah vaksin mRNA, bukannya vaksin virus hidup. Oleh itu, ia tidak akan menyebabkan jangkitan COVID-19 kepada bayi.

10. Adakah selamat mengambil vaksin COVID-19 ini bersama dengan vaksin lain seperti tetanus toxoid dan influenza semasa mengandung? Bilakah selang masa yang sesuai antara suntikan vaksin lain dan vaksin COVID-19?

Pengambilan vaksin COVID-19 bersama vaksin lain, contohnya tetanus toxoid, semasa hamil adalah dibenarkan tanpa memerlukan jarak masa. Pemberian serentak perlu dijelaskan kepada ibu kerana ia boleh menyebabkan ketidakelesaian.

11. Jika saya sedang menyusukan bayi, bolehkah saya mengambil vaksin?

Ibu menyusukan bayi boleh dan digalakkan mengambil vaksin COVID-19 seperti yang disarankan.

12. Jika saya sedang menyusukan bayi, adakah susu ibu mengandungi vaksin tersebut?

Belum ada bukti menunjukkan kandungan vaksin tersebut boleh memasuki susu ibu.

13. Jika saya menerima vaksin semasa sedang hamil atau menyusukan bayi, adakah bayi saya mendapat perlindungan imuniti / antibodi melalui vaksinasi tersebut?

Kajian menunjukkan antibodi susulan pemberian vaksin COVID-19 dikesan di dalam darah tali pusat dan susu ibu. Walau bagaimanapun, tahap perlindungan kepada bayi masih belum dapat ditentukan.

14. Adakah remaja hamil boleh diberi suntikan vaksin COVID-19?

Polisi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) membenarkan individu berumur 18 tahun ke atas untuk menerima vaksin. Bagi remaja hamil yang berumur di bawah 18 tahun dan telah dikenalpasti mempunyai faktor risiko, pemberian vaksin COVID-19 adalah mengikut pertimbangan klinikal oleh doktor pakar. Pemberian vaksin mesti mengikut tatacara keizinan bagi individu bawah umur.